

10 JAN 1997

Pemuda-Punk

PEMUDA UMNO GESA PIHAK BERKUASA AMBIL TINDAKAN CEGAH GEJALA PUNK

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Pergerakan Pemuda UMNO hari ini meminta pihak berkuasa mengambil tindakan pencegahan terhadap gejala "punk" dan "skinhead" yang kini menjadi kegilaan remaja terutamanya remaja Melayu.

Ketua pergerakan itu, Datuk Ahmad Zahid Hamidi berkata dalam satu kenyataan di sini, walaupun tidak ada peruntukan undang-undang yang membolehkan mereka ditahan tetapi usaha pencegahan perbuatan yang tidak bermoral itu boleh dilakukan sebagaimana polis memeriksa pusat-pusat hiburan sebelum ini.

Pergerakan Pemuda memandang serius gejala itu yang difahamkan membabitkan anak-anak Melayu daripada golongan berada yang kebanyakannya mendapat pendidikan tinggi di luar negara, katanya.

Gejala punk dan skinhead yang dikatakan menular di kalangan remaja Melayu termasuk golongan berpendidikan tinggi, didedahkan oleh sebuah akhbar tempatan baru-baru ini.

Dalam satu ucapan di Kedah semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyelar golongan muda yang terbabit dengan budaya barat yang kini menular khususnya di ibu negara dan menyifatkannya sebagai amalan yang bodoh.

Ahmad Zahid berkata, polis perlu melakukan ujian air kencing di kalangan remaja yang terbabit dengan gejala itu kerana dikhuatiri mereka juga terlibat dalam penyalahgunaan dadah.

Selain itu, Kementerian Belia dan Sukan juga perlu mengambil langkah segera dengan merangka program jangka panjang untuk membendung gejala negatif itu, katanya.

Program Rakan Muda yang dianjurkan oleh Kementerian itu perlu secara serius mendekati golongan berkenaan bagi memastikan mereka tidak terus hanyut dengan gejala yang tidak berfaedah itu, katanya.

Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Biro Tata Negara juga perlu memastikan setiap pelajar yang kembali ke tanah air setelah tamat pengajian, mengikuti kursus penghayatan dan pemantapan jati diri supaya tiada unsur negatif dibawa masuk ke negara ini, katanya.

"Sejak sekian lama soal ekstrim di kalangan penuntut kita di luar negara sudah diperkatakan termasuk ada yang ekstrim agama dan ada yang ekstrim dengan budaya liar yang jauh menyimpang daripada landasan agama dan budaya kita,"

"Kita mahu pelajar terutamanya yang dibiayai oleh kerajaan menjadi insan yang baik dan generasi yang tinggi nilai akhlaknya pada masa depan," katanya.

Pergerakan Pemuda juga menasihati ibu bapa supaya memainkan peranan dengan lebih berkesan lagi untuk memberi pendidikan yang sempurna kepada anak-anak dan tidak hanya mengejar kejayaan dalam bidang ekonomi. --

BERNAMA

BD PR